

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(VII)7**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PANTAI JEREJAK  
YB. DATO SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL**

7. Golongan ibu tunggal ada masalah kes mahkamah tempoh masa lama, perumahan, pekerjaan dan nafkah anak-anak daripada bekas suami. Apakah tindakan Kerajaan Negeri dalam membantu isu ini?
- (a) Adakah perancangan Kerajaan Negeri mewujudkan Pusat Sehenti Wanita?

**YB. CHONG ENG  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

7. Antara usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dalam isu perumahan, pekerjaan dan masalah nafkah anak-anak daripada bekas suami kepada kaum ibu tunggal adalah seperti berikut:
- (i) Perumahan – Ibu tunggal diletakkan sebagai salah satu kategori keutamaan dalam pemilihan Rumah Mampu Milik dan Program Perumahan Rakyat.
- (ii) Pekerjaan - Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah menyediakan kemudahan pinjaman mikro kredit melalui Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) Negeri Pulau Pinang bagi membantu mewujudkan satu sistem penyaluran modal tambahan yang mudah dan tidak membebankan peniaga kecil. Pemberian kemudahan pinjaman mikrokredit ini meliputi semua golongan peniaga termasuklah wanita dan ibu-ibu tunggal berdasarkan perniagaan masing-masing. Pinjaman PTSR ini disalurkan tanpa sebarang cagaran

dan penjamin dengan jumlah pinjaman antara RM1,000 hingga maksima RM20,000. Tempoh bayaran balik antara 1 hingga 2 tahun.

Kerajaan Negeri melalui PDC juga telah melaksanakan program-program keusahawanan kepada semua golongan usahawan termasuk usahawan di kalangan ibu tunggal seperti bengkel, seminar dan kursus pembudayaan dan motivasi bagi memperkasakan ilmu pengetahuan, kemahiran dan kefahaman usahawan dalam bidang pengurusan perniagaan supaya menjadi usahawan yang berdaya maju, berdaya saing dan berdaya tahan.

Kerajaan Negeri melalui Penang Women's Development Corporation (PWDC) telah memperkenalkan Projek Transformasi Ekonomi Komuniti (CET) di bawah Program Pemerkasaan Ekonomi Wanita (WEE). Ia merupakan sebuah projek yang direka khusus untuk membantu menjana pendapatan bagi penduduk, termasuk ibu tunggal. Sebagai projek perintis, PWDC telah mengadakan dialog untuk memperkenalkan program ini kepada penduduk PPR Desa Wawasan pada bulan Februari 2018 dan seterusnya mengedarkan soal selidik untuk mendapat maklumat terperinci yang mana akan membantu PWDC membuat analisis keperluan penduduk PPR Desa Wawasan. Hasil analisis soal selidik menunjukkan 37.4% responden memilih kraftangan sebagai aktiviti CET. Satu siri bengkel membuat kraf kertas dan kraf plastik telah dikendalikan untuk penduduk yang berminat. Kini, hasil kraftangan telah mula mendapat tempahan dan ada penduduk yang sudah mula menjana pendapatan.

- (iii) Nafkah anak-anak daripada bekas suami – Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang telah mewujudkan Bahagian Sokongan Keluarga bagi membantu golongan ibu tunggal untuk menguatkuaskan perintah nafkah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah Negeri Pulau Pinang. Bahagian Sokongan Keluarga berperanan untuk:
  - (i) Memberi khidmat nasihat kepada ibu tunggal untuk menyelesaikan masalah tunggakan nafkah di Mahkamah Syariah;

- (ii) Menyalurkan pendahuluan nafkah kepada ibu tunggal; dan
  - (iii) Membantu menguatkuasakan bagi pelaksanaan perintah Mahkamah Syariah melalui tindakan undang-undang.
- (a) Setakat ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang tiada perancangan untuk mewujudkan Pusat Sehenti Wanita. Pada masa ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang membiayai sepenuhnya Pusat Perkhidmatan Wanita (PPW) di Seberang Perai, yang diuruskan oleh Women's Center for Change (WCC). PPW menyediakan perkhidmatan kaunseling, perlindungan sementara dan nasihat guaman untuk kaum wanita yang menjadi mangsa keganasan domestik dan serangan seksual. PPW juga bekerja rapat dengan OSCC ('One-Stop Crisis Center') Hospital Seberang Jaya dengan memberi sokongan emosi dan kaunseling kepada mangsa-mangsa.

Terdapat juga enam buah Dewan Nur di bawah Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Pulau Pinang yang menjadi pusat aduan setempat bagi memudahkan golongan wanita di Negeri Pulau Pinang untuk membuat aduan. Senarai Dewan Nur adalah seperti berikut:

- (i) Dewan Nur Balik Pulau
- (ii) Dewan Nur Bukit Bendera
- (iii) Dewan Nur Bukit Mertajam
- (iv) Dewan Nur Kepala Batas
- (v) Dewan Nur Tasek Gelugor
- (vi) Dewan Nur Nibong Tebal